

# PM: Jaga perasaan kaum lain

UM 21 NOV 1981

**P**ULAU PINANG, 20 Nov. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan setiap kaum di negara ini supaya memikirkan kepentingan serta perasaan kaum-kaum lain dalam segala tindak-tanduk mereka jika perpaduan yang wujud sekarang hendak dikekalkan.

Perdana Menteri menegaskan, rakyat tidak boleh terlalu emosional dalam menghadapi sesuatu masalah.

Beliau berkata, hanya dengan mengambil kira perasaan kaum-kaum lain barulah apa juga tindakan yang diambil akan menjadi sederhana dan tidak menjejaskan mana-mana pihak.

**OLEH: KHALID MOHD.**

Perdana Menteri menyampaikan amanat ini semasa berucap kepada lebih 10,000 orang penduduk Pulau Pinang yang menyambut ketibaannya di Lapanganterbang Antarabangsa Pulau Pinang pagi ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir adalah dalam lawatan rasmi dua hari ke sini.

Perdana Menteri berkata, beliau memang sedar bahawa Pulau Pinang mempunyai banyak masalah, bagaimanapun semuanya boleh diatasi jika para penduduknya yang berbilang kaum tidak terlalu emosional.

Sebaliknya, tegas beliau, penduduk-penduduk Pulau Pinang yang terdiri dari berbagai kaum hendaklah menggunakan segala kemudahan dan peruntukan yang disediakan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah yang mereka hadapi.

Perdana Menteri yakin perpaduan di Pulau Pinang akan kekal walau apa juga masalah yang dihadapi jika segala tindakan diambil secara sederhana dengan mengambil kira perasaan kaum-kaum yang menjadi penduduknya.

Serentak dengan amanatnya, Datuk Sri Dr. Mahathir menggesa penduduk-penduduk Pulau Pinang dari semua kaum supaya berganding bahu dan bekerja keras untuk memajukan pulau ini bersama kerajaan.

Beliau berkata dengan pembinaan jambatan yang akan menghubungkannya dengan tanah besar, Pulau Pinang akan menghadapi proses pembangunan yang lebih pesat.

Datuk Sri Dr. Mahathir percaya, dengan pembinaan jambatan itu juga penduduk-penduduk Pulau Pinang akan mendapat lebih banyak peluang untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

Katanya, kerajaan ingin melihat rakyat mencapai kemajuan yang lebih pesat dari dahulu.

Untuk mencapai matlamat ini tegas beliau, semua kaum mesti bekerja kuat untuk membangunkan negara.

Perdana Menteri bagaimanapun mengingatkan, kunci bagi kejayaan tersebut terletak di tangan setiap rakyat kerana banyak mana sekalipun peruntukan yang disediakan oleh kerajaan tidak akan mencapai sebarang hasil tanpa penyertaan rakyat secara bersungguh-sungguh.

Kerajaan juga katanya, akan bekerja keras untuk membawa pembangunan dan kemajuan kepada rakyat kerana hanya inilah yang kerajaan boleh janjikan.

"Rakyat dari semua kaum pun mesti buat begitu, barulah perpaduan boleh dicapai," ujarnya.